

## Penguatkuasaan Akta Kerja 1955 (Pindaan) ditangguh hingga tahun hadapan

Sri Ayu Kartika Amri

[kartika@mediaprima.com.my](mailto:kartika@mediaprima.com.my)



Saravanan.

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia (KSM) mengumumkan bahawa pelaksanaan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang sepatutnya dikuatkuasakan pada 1 September ini akan ditangguh pada 1 Januari 2023.

Menterinya, Datuk Seri M Saravanan berkata, mengenai keputusan penangguhan itu KSM sudah menjalankan sesi perbincangan dengan pemegang taruh daripada semua pemain industri termasuk dewan perniagaan dan sebagainya.

Menurutnya, semua anggota Kabinet juga bersetuju untuk menangguhkan pelaksanaan akta terbabit kepada tarikh yang sesuai iaitu 1 Januari tahun hadapan.

"Seperti mana kita sedia maklum Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang diluluskan oleh Parlimen pada 19 Mac tahun lalu akan ditangguh pada 1 Januari 2023 dengan mengambil kira semua pandangan pihak berkaitan.

"Pemain industri merayu dengan kementerian untuk menangguhkan penguatkuasaan akta berkenaan di mana mereka memerlukan sedikit masa lagi kerana masih dalam keadaan pemulihan ekonomi.

"Pagi ini saya sudah bawa ke Dewan Menteri mengenai penangguhan akta dan sudah berbincang dengan anggota Jemaah Menteri termasuk Menteri berkaitan khususnya Kementerian Industri dan Antarabangsa (Miti), Kementerian Kewangan (MOF) dan sebagainya dan semua anggota Kabinet juga berpendapat kita perlu tangguhkan penguatkuasaan akta ini.

"Kita sebulat suara putuskan tarikh berkenaan adalah pada 1 Januari 2023 dan ini dapat memberi masa serta ruang kepada pemain industri supaya mereka dapat bersiap sedia lebih awal.

"Selain itu, mereka juga ketika ini sedang berhadapan dengan kekurangan pekerja asing, jadi apabila waktu bekerja dipendekkan sudah pasti akan menjejaskan pendapatan mereka, walaupun kita lihat 1 Januari 2023 adalah satu tarikh yang diputuskan kementerian, tetapi jika kita dapat selesaikan isu pekerja asing, ia (pelaksanaan akta) dapat diawalkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai Penguatkuasaan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 di sini, hari ini.

Antara kandungan pindaan yang ditangguhkan itu ialah penambahan cuti bersalin daripada 60 hari ke 98 hari, penetapan cuti patemiti kepada tujuh hari, pengurangan waktu kerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam serta aturan kerja fleksibel untuk pekerja.

Sementara itu, Saravanan berkata, mengenai kekurangan pekerja asing, isu itu sudah diselesaikan dengan baik bersama negara sumber.

Beliau berkata, proses pekerja asing mengambil masa memandangkan sebelum ini sudah tiga tahun Malaysia membekukan pengambilan pekerja asing.

"Isu dengan negara sumber sudah selesai dan dari segi perjanjian persefahaman (MoU) dan sebagainya tiada sebarang masalah.

"Oleh itu, kementerian berharap dalam tempoh tiga bulan ini isu pekerja asing dapat diselesaikan kerana kita memahami masalah yang dihadapi oleh semua sektor," katanya.